



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Pusat Peperiksaan LPKKKP
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
Tel : 03-89113800 | Emel : wecare[at]niosh.com.my

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (82)
Tarikh : 18 Mei 2026

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN OHD DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) OHD

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENANGGUHAN PENGGUNAAN SOALAN & FORMAT BAHARU PEPERIKSAAN DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN (OHD) KE SESI PEPERIKSAAN JULAI 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan notis makluman terdahulu dengan No Rujukan: NIOSH/06/100-6-9 (57) bertarikh 17 November 2025 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Jawatankuasa Kompetensi Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dibawah Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) melalui mesyuarat yang telah diadakan pada 29 April 2026 telah bersetuju untuk menangguhkan penggunaan soalan dan format baharu peperiksaan OHD ke sesi peperiksaan Julai 2026.
3. Calon digalakkan untuk menghadiri sesi Kursus Peralihan OHD anjuran PLB sebelum menduduki peperiksaan OHD soalan baharu bermula sesi peperiksaan Julai 2026.
4. Syarat dan Format Peperiksaan OHD baharu boleh dimuat turun menerusi laman sesawang NIOSH. Sila layari laman sesawang NIOSH bagi membuat pendaftaran peperiksaan sebelum tarikh tutup permohonan.
5. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800 / mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel sekretariat@lpkkkp.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja MADANI Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,

DR. AHMAD FITRI ABDULLAH HAIR

Pengerusi

Jawatankuasa Kompetensi Doktor Kesihatan Pekerjaan

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)